

16 OCT 1999

Cuepacs-Suruhanjaya

CUEPACS CADANG TUBUH SURUHANJAYA KAJI KEBERKESANAN SISTEM PENDIDIKAN

BUTTERWORTH, 16 Okt (Bernama) -- Cuepacs mencadangkan penubuhan sebuah suruhanjaya bagi mengkaji keberkesanan sistem pendidikan di negara ini supaya ia dapat melahirkan insan yang lebih berkualiti dan bertanggungjawab.

Presiden Cuepacs N.Siva Subramaniam hari ini berkata cadangan itu merupakan antara beberapa perkara yang akan dikemukakan oleh Cuepacs kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bulan ini untuk penelitian semula oleh kerajaan.

Katanya sudah tiba masanya sistem pendidikan negara ini dikaji semula bagi menentukan hala tuju, visi dan misi pada alaf baru kerana kali terakhir kajian itu dilakukan ialah melalui Laporan Jawatankuasa Kabinet ketika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Menteri Pendidikan pada awal tahun 70-an.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pendidikan Pengguna untuk guru-guru besar dan guru SJK Tamil di negeri ini di sini, beliau berkata tiada gunanya peruntukan yang besar diberikan kepada bidang pendidikan jika ia tidak dapat meningkatkan disiplin pelajar, melahirkan insan yang berkualiti dan taat setia kepada kerajaan dan negara.

Katanya Suruhanjaya itu boleh dianggotai oleh bekas-bekas Pengarah Pendidikan, badan bukan kerajaan (NGO) dan ibu bapa serta pertubuhan lain bagi mengambil kira pandangan rakyat dalam memantapkan sistem pendidikan di negara ini.

Siva yang juga Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) berkata perhatian serius perlu diberikan kepada pengurangan jurang perbezaan yang ketara antara sekolah luar bandar dan bandar serta sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Cina dan Kebangsaan.

"Kekurangan kemudahan asas menyebabkan sistem pembelajaran dan pengajaran tidak berkesan dan menimbulkan masalah disiplin dan kurang semangat di kalangan murid dan guru, gangsterism di sekolah-sekolah tamil dan luar bandar yang jauh lebih tinggi."

Menurutnya pendidikan moral dan agama perlu ditingkatkan di kalangan murid sekolah rendah supaya nilai-nilai murni ajaran Islam dapat dipupuk supaya apabila dewasa kelak tidak berlaku masalah disiplin dan sosial di kalangan mereka.

Siva juga berkata tahap pemakanan di sekolah seperti Rancangan Makanan Tambahan dan kantin perlu ditingkatkan kerana diet yang tidak betul juga boleh menimbulkan masalah disiplin di sekolah.

Selain suruhanjaya, Cuepacs juga akan berbincang beberapa perkara yang melibatkan kakitangan awam termasuk mencadangkan ketua-ketua jabatan menganjurkan kursus dalaman mengenai peruntukan dalam Perintah Am dan Perlembagaan agar mereka memahami tanggungjawab, tugas dan hak masing-masing.

Mengenai penglibatan guru dalam politik, beliau berharap Kementerian Pendidikan menggunakan pendekatan yang betul dengan menyiasat serta menasihati guru-guru terbabit.

Katanya tindakan memberhentikan kerja atau memindahkan mereka ke tempat lain tidak menyelesaikan masalah kerana mereka akan meneruskan kegiatan di tempat baru kelak.

-- BERNAMA

ZU LAT